

TEKS UCAPAN

**MAJLIS PERJUMPAAN Y. B. DATO' S. SOTHINATHAN DENGAN
PIHAK PENGURUSAN PETRONAS PENAPISAN (M) SDN BHD**

OLEH

**Y. B. DATO' S. SOTHINATHAN
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

PADA 16 JUN 2005, JAM 10.00 PAGI

Terima kasih, Pengerusi Majlis

Yang. Berhormat

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah

Pengerusi Jawatankuasa Negeri,

Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Yang Berhormat

Tuan Haji Idris bin Haron

Ahli Parlimen Tangga Batu

Yang Berhormat

Datuk Haji Yaakub bin Md. Amin

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Udang

Yang Berhormat

Tuan Haji Ab. Rahaman bin Ab. Karim

Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Kundur

Yang Berbahagia

Dato' Hajah Rosnani binti Ibarahim

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Yang Berbahagia

Datuk Haji Zaini bin Md. Nor

Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Datuk-datuk, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian

Selamat sejahtera dan terima kasih saya ucapkan kepada semua kerana sudi datang ke Majlis Perjumpaan ini. Saya difahamkan di antara yang terlibat pada pagi ini ialah wakil-wakil rakyat di bawah kawasan parlimen Tangga Batu, Petronas Penapisan (M) Sdn. Bhd dan pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Kehadiran Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam

menangani masalah-masalah berhubung pencemaran dari operasi Petronas Penapisan (M) Sdn Bhd.

Dasar Alam Sekitar Negara yang bertujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya disamping pemuliharaan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat dengan cara hidup, pola penggunaan dan pembangunan lestari.

Dasar ini memberi panduan kepada agensi kerajaan persekutuan dan negeri, sektor industri, masyarakat tempatan dan lain-lain *stakeholder* dalam memastikan alam sekitar negara bersih, selamat, sihat dan produktif untuk generasi kini dan akan datang.

Tugas utama memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama. Kerjasama daripada sektor awam, swasta dan orang awam adalah penting dalam usaha mencapai kualiti hidup selesa dengan alam sekitar yang bersih. Kesedaran tentang aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar adalah penting dalam kehidupan

seharian kita dan ianya perlu diberi penekanan kepada orang ramai untuk kesejahteraan kita bersama.

Seperti yang kita semua sedia maklum, Majlis perjumpaan ini diadakan bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan pencemaran atau kacauganggu yang berpunca daripada operasi Petronas Penapisan (M) Sdn Bhd, dimana isu utama yang di bangkitkan adalah masalah pencemaran bunyi bising, bau, habuk, bahang dan ancaman keselamatan para penduduk di sekitar kawasan Petronas Penapisan (M) Sdn Bhd serta menetapkan pelan tindakan kearah penyelesaian kepada masalah-masalah tersebut.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penganjur iaitu Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan komitmen bagi menjayakan majlis ini. Akhir kata saya dengan berbesar hati merasmikan Majlis Perjumpaan pada pagi ini.